

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

HHA 101 - Pengantar Seni Halus

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM [6] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab SEMUA soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Jawab dengan jelas, tepat dan ringkas.

Perhati dengan teliti karya-karya yang ditayangkan. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berhubungan dengan karya berkenaan.

Setiap slaid akan ditayangkan selama 10 minit dan akan diulangkayang selama 3 minit lagi selepas semua slaid telah ditayangkan sekali.

Had maksimum penulisan bagi tiap-tiap karya ialah 2 (DUA) muka surat. Kesemua soalan membawa markah yang sama.

Berikut ialah soalan-soalan menurut susunan tayangan slaid, yakni, soalan nombor 1 adalah untuk tayangan slaid pertama, dan seterusnya.

1. Pelukis : Yeoh Jin Leng
Tajuk : Sawah Padi
Tahun : 1963
Bahan : Cat Minyak
Ukuran : 32 inci x 40 inci

Sejauh manakah gambaran sawah padi pada lukisan ini berbeza dengan pemandangan sawah padi yang biasa kita lihat? Adakah lukisan ini, pada pendapat anda, mencerminkan keindahan alam semulajadi?

2. Apakah yang anda boleh fahami daripada poster ini? Pada pendapat anda, adakah ianya menarik?

.../2

3. Yang menghasilkan gambar foto ini ialah seorang fotografer kembara dari Eropah, Hans Hoefler. Berikut ialah pernyataan beliau:

"Saya menemui murid sekolah ini diperkarangan Masjid Negara yang indah itu, satu contoh hebat senibina Islam moden yang disiapkan pada tahun 1965.

Hiasa kepalanya yang seakan pakaian rahib perempuan adalah serupa dengan yang dipakai oleh ramai wanita Islam di Malaysia, dan merupakan juga 'pakaian seragam' sekolah-sekolah seperti sekolah yang bersangkutan dengan Masjid Negara.

Papan tanda di belakangnya, di dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia (Bahasa Kebangsaan negara ini), memohon dengan hormatnya supaya para pelawat berpakaian sopan sebelum memasuki masjid." (Jalan-jalan: Images of Malaysia, TDC Malaysia, 1981, m.s.194).

Pada pendapat anda, kenapakah kandungan gambar foto ini menarik perhatian Hans Hoefler? Juga pengertian apakah yang anda perolehi daripada gambar foto ini?

4. Pelukis : Jean-Leon Gerome
Tajuk : Bilik Mandi Arab
(dihasilkan pada abad ke-19)

Jean-Leon Gerome seringkali dianggap pelukis Perancis "Realistik" abad-19 yang teragung.

Apakah reaksi anda terhadap lukisan ini? Apakah pengertian yang anda perolehi daripadanya?

5. Pada pendapat anda, adakah Bangunan KOMTAR di Bandar Pulau Pinang itu cantik?

6. Pelukis : Ismail Mustam
Tajuk : Hang Tuah dan Hang Jebat
Tahun : 1961
Bahan : Cat Minyak
Ukuran : 48 inci x 24 inci

Pada pandangan anda, sejauh manakah pelukis ingin menjelaskan cerita tentang Hang Tuah dan Hang Jebat di sini, tidak kira sama ada anda tahu-menahu tentang ceritanya atau tidak?